

RAHSIA AL-QURAN -DARI SEGI ILMU DAN FALSAFAH

KENAIKAN SESUATU UMAT DAN KEJATUHANNYA

Dalam rencana yang lalu tatkala menerangkan “bagaimana ilmu pengetahuan Islam berpindah ke Eropah” penulis ada menyebut: “Semenjak zaman inilah muramlah cahaya ilmu pengetahuan Islam di dalam negeri-negeri Islam sendiri disebabkan sempitnya faham alim ulamanya! Lalu berpindah sedikit demi sedikit dipelajari oleh orang-orang Eropah yang telah tiba pula giliran mereka mengambil kedudukan yang penting di tengah-tengah masyarakat dunia setelah orang-orang Islam membuang dunia!”

Maka sekarang tataplah pula bagaimana ilmu pengetahuan Islam telah kembang biak di tangan orang-orang Eropah dan Amerika setelah ditambah dan diperbaiki sehingga dapat mencipta tamadun dunia baharu yang gilang gemilang!

SESUDAH ILMU PENGETAHUAN ISLAM BERPINDAH TANGAN

Oleh Abdullah Basmeh

Setelah ilmu pengetahuan Islam berpindah tangan maka orang-orang Barat telah menyambutnya lalu bekerja bersungguh-sungguh menambah dan memperbaikinya sehingga tidak timbul kurun yang keenam belas melainkan beberapa orang yang terkemuka di antara mereka dalam berbagai-bagai jenis ilmu pengetahuan telah diketahui oleh dunia.

Kurun yang Keenam Belas

Di antara ahli-ahli pengetahuan Eropah yang terkenal dalam kurun ini ialah “Tycho Brahe ” (1546-1601) seorang ahli falaq bangsa Sweden yang telah menetapkan dengan beberapa dalil yang tegas bahawa cahaya matahari itu adalah tersusun daripada tujuh warna, dan bahawa bintang-bintang di langit adalah mengandungi benda-benda yang kebanyakannya berserupaan dengan benda-benda yang ada di bumi. Sebuah rumah tempat memerhati matahari dan bulan bintang telah dibangunkan olehnya dengan perintah “Frederick yang kedua” Raja Denmark.

Dalam kurun ini juga “William Gilbert” (1540-1603) seorang ahli pengetahuan Inggeris mula dikenal

oleh dunia. Ia telah berjaya mengetahui bahawa kuasa elektrik itu terkandung di dalam kaca, belerang, lilin merah dan berlian. Dasar-dasar permulaan bagi ilmu ini yang telah dilunaskan olehnya telah disempurnakan oleh orang-orang yang dibelakangnya. Ia juga mengatakan bahawa kuasa besi berani dan kuasa elektrik adalah berasal dari jenis yang satu.

Kurun yang Keenam Belas dan Ketujuh Belas

Dalam kurun ini timbul pula “Galilei” (1574 1642 Galileo Galilei) seorang ahli falaq Itali. Ia telah disakiti dan telah menerima berbagai-bagai penderitaan daripada orang-orang Eropah disebabkan fahamnya yang mengatakan bahawa dunia ini berpusing. (Sedang menurut penyelidikan ahli pengetahuan bahawa bukanlah “Galilei” yang mula-mula mengetahui perkara ini bahkan orang-orang Islam terlebih dahulu daripada itu telah mengetahuinya).

Pada akhir hayatnya tatkala ia berumur 69 tahun ia telah dibawa ke bandar Rom dan dipaksa bertelut di hadapan khalayak ramai sambil bersumpah dengan kitab Injil bahawa ia

melaknat akan orang-orang yang mengatakan dunia ini berpusing. Jelasnya ia terpaksa berpaling tadah daripada faham yang dipegangnya kerana menurut orang-orang Eropah yang masih mengatakan bahawa dunia ini tetap diam tidak berpusing.

“William Harvey” (1578-1657 William Harvey)

seorang ahli perubatan Inggeris terkenal dan termasyhur dengan penyasatan berkenaan “aliran darah” yang berakhir ia telah dilantik menjadi doktor khas bagi King James yang pertama- Raja Inggeris.

Kurun yang Ketujuh Belas dan Kedelapan Belas

Sebenar-benar ahli falsafah dan ahli falaq yang terkenal dalam kurun ini ialah “Isaac Newton” (1642-1727 Sir Isaac Newton) orang-orang Eropah menganggap bahawa ialah yang mula-mula mengetahui “kuasa penarik” (Al-jazabiyah atau Attraction) sedang rahsia ini telah diketahui oleh orang-orang Islam enam kurun terlebih dahulu daripadanya. Walaupun demikian tetapi ahli falsafah Inggeris ini tetap berkelebihan kerana telah mengetahui banyak perkara lagi. Banyak karangannya dalam berbagai-bagai ilmu pengetahuan masih menjadi ikutan hingga hari ini.

Di antara ahli-ahli pengetahuan yang terkemuka dalam kurun ini ialah “Deidre” (1713-84) penyusun “Ensiklopedia” Perancis. Ia telah meninggalkan semua perkara di sepanjang-panjang hayatnya dikecualikan suatu perkara sahaja iaitu bermutalaah. Dalam masa mudanya pernah menjadi guru khas mengajar anak-anak seorang hartawan, dan tatkala terasa bosa akan pekerjaannya itu maka iapun menyatakan dengan berterus terang kepada pengajinya itu:

“Lihatlah muka saya telah menjadi kuning sebagaimana kuningnya limau nipis. Saya bersungguh-sungguh hendak membentuk anak-anak tuan menjadi lelaki tetapi mereka berdaya upaya hendak menjadikan saya budak-budak. Tidaklah saya mengadu kekurangan gaji atau buruk layanan, kerana

gaji saya lebih daripada yang sepatutnya, dan layanan tuan kepada saya amat memuaskan sebenarnya saya tidak bercita-cita hendak hidup mewah lebih daripada ini di sini tetapi saya tidak mahu mati!”

Kurun Kedelapan Belas

Dalam kurun ini pula dunia mula mengenal “Benjamin Pranklin” (1706-90 Benjamin Franklin). Salah satu daripada kejayaan ahli pengetahuan Amerika ini ialah mencipta “besi pencegah panahan petir, dan beberapa pendapatan dalam ilmu elektrik. Selain daripada kemasyhurannya menjadi seorang ahli siasah dan perancang persatuan Amerika Syarikat.

“Lavoisier” (1743-94) seorang ahli kimia

Perancis yang terkenal dengan gelaran “Bapa ilmu kiamia baharu”. Penyasatannya berkenaan oksigen dan darjah-darjah panas telah menyebabkan dia terkemuka dalam dunia kimia.

Selain daripada itu dalam kurun ini juga terkenal “Maria Agnesi” (1718-99) seorang perempuan Itali yang telah mengatasi ahli-ahli pengetahuan yang sezaman dengannya dalam ilmu falaq. Majlisnya sentiasa dihadiri oleh lebih daripada tiga puluh orang jaguh-jaguh pengetahuan dari seluruh Eropah.

Kurun yang Kedelapan Belas dan Kesembilan Belas

Di dalam kurun ini timbul beberapa orang yang terkemuka di dunia Barat di antaranya ialah “Coulomb” (1736-1806) seorang pakar ilmu elektrik yang mula-mula sekali menggunakan dalam penyasatannya kaedah kira-kira ukur mengukur – (kuwaida alum alriyadiyah, atau Mathematics).

“Edward Jenner” (1749-1823 Edward Jenner)

seorang ahli perubatan Inggeris yang telah berjaya mendapat rahsia menanam cacar. Kejayaannya ini adalah berpunca daripada seorang budak perempuan gembala lembu yang mengatakan bahawa dirinya tidak menaruh bimbang kepada penyakit itu kerana ianya dahulu telah terkena cacar lembu. Apabila perkara itu



Bekas Perdana Menteri Indonesia Mohammad Natsir sedang membaca khutbah Hari Raya di Jakarta. Sekali imbas gambar ini tidak ada apa-apa di dalamnya tetapi jika diperhatikan kedudukan Natsir yang telah memegang jawatan Perdana Menteri Indonesia sebagai khatib di atas minbar maka dapatlah diperhati bahawa orang-orang agama itu berkelayakan mentadbirkan negeri (Gambar Airpost).

kedengaran kepada "Jenner" maka terlintasl di hatinya bahawa cacar lembu harus akan menjadi pencegah daripada penyakit cacar yang biasa menyerang manusia dan jalan yang sebaik-baiknya hendaklah cacar lembu itu sendiri ditanam di dalam tubuh manusia. Ia pun mencuba dan telah berjaya sebagaimana yang sedang digunakan oleh penduduk dunia sekarang ini.

"Volta" (1745-1827) seorang ahli pengetahuan Itali yang terkenal berkenaan eletrik ialah orangnya yang mula-mula mengetahui rahsia membuat "bateri".

"Limerick" (1742-1829) seorang ahli pengetahuan Perancis yang terkenal dengan fahamnya "perubahan atau perpindahan makhluk dari suatu peringkat kepada peringkat yang lain" mempunyai penyiasatan yang luas berkenaan binatang-binatang yang bersejarah tua dan telah mengarang buku "Falsafah Tabiat Haiwan".

"Sir Humphery Davy" (1778-1829 Sir Humphery Davy) seorang ahli kimia Inggeris yang telah berjaya mengetahui rahsia sodium, potassium, serantium, fazium, kalium dan magium iaitu benda-benda yang terkenal kepada ahli kumia.

"Jean Champollion" (1790-1832 Jean Champollion) seorang ahli pengetahuan Perancis yang telah berjaya mengetahui rahsia tulisan "hiroglif" (tulisan Mesir tua) atas jasanya yang besar ini ia telah dianugerahkan oleh Raja Perancis sebuah kotak daripada emas yang tertulis di atasnya: "Kurnia daripada Raja Louise yang kedelapan belas kepada Champollion kerana jasanya menyingkap rahsia huruf-huruf hiroglif." Dengan jasanya itulah beberapa banyak khazanah-khazanah Firaun Mesir yang terpendam di perut bumi telah dapat dibongkar dan dikeluarkan kepada dunia.

"George Stephenson" (1781-1848 George Stephenson) seorang jurutera Inggeris yang telah berjaya membentuk keretapi untuk dunia.

"Faraday" (1791-1867) jaguh pengetahuan Inggeris yang telah berjaya mengetahui rahsia mengeluarkan minyak "benzine" daripada arang batu. Kejayaannya yang cemerlang ini telah sempurna pada tahun 1825 selain daripada kejayaannya dalam beberapa perkara mengenai ilmu elektrik.

"Airy and Le Verrier" (1811-77) seorang ahli falaq Perancis yang mula-mula mengetahui akan bintang yang terkenal dengan nama "Neptune" dengan jasanya itu namanya telah bertambah masyhur dan telah menerima darjah kehormatan dari Raja Denmark.

"Charles Darwin" (1809-82 Charles Darwin) seorang ahli sains Inggeris yang terkemuka dan terkenal dengan fahamnya yang mengatakan kononnya manusia berasal daripada monyet. Kesimpulan fahamnya bahawa makhluk yang hidp yang terdiri daripada tumbuh-tumbuhan dan haiwan adalah mempunyai salasilah (rantai) yang satu yang hujung atasnya berhubung dengan hujung bawahnya. Jelasnya makhluk-makhluk yang sedang berada dalam peringkat yang setinggi-tingginya adalah berasal daripada makhluk yang serendah-rendahnya. Suatu fahaman yang ditentang

oleh ajaran Kristian sendiri apalagi ajaran Islam.

“Maria Michael” (1818-98) seorang perempuan Amerika yang terkenal dalam ilmu falak berjaya menyingkap kedudukan sebuah bintang daripada bintang-bintang berekor.

“Sulaiman (matinya 1890) seorang Jerman yang telah berjaya membongkar daripada runtuh bangunan-bangunan “Traudah” yang tersebut di dalam syair-syair “Humourous” lalu mendapat berbagai-bagai senjata dan barang-barang perhiasan daripada emas dan perak. Ia juga telah dapat mengenal kedudukan kubur “Agamemnon” dalam kawasan Micini yang terletak di negeri Greek.

“Tendel” (1820-93) seorang ahli pengetahuan Inggeris yang berkejayaan mengetahui beberapa perkara yang pelik-pelik mengenai cahaya, panas, besi berani, dan kuman-kuman.

Doktor “Henry Rolance” (1810-95) seorang Inggeris yang pakar dalam “ilmu bekas-bekas tua” (Archaeology). Sebagaimana “Champollion”. Berjaya dapat membaca tulisan Mesir tua maka “Rolance” pula telah berjaya dapat membaca tulisan Sefini (tulisan Assyura dan Babylon) dan mengetahui beberapa perkara yang berguna kepada penyiasat-penyiasat ilmu itu.

“Dana” (James Dwight Dana. 1813-95) seorang ahli sains Amerika yang pakar dalam “ilmu lapisan bumi”

Geology) dan “ilmu benda-benda galian” (Mineralogy).

“Louis Pasteur” (Louis Pasteur 1822-95) seorang ahli pengetahuan Perancis yang telah termasyhur dengan penyiasatannya berkenaan kuman-kuman penyakit.


Kurun Kesembilan Belas dan Dua Puluh

“Thomas Edison” (Thomas Alva Edison 1847-1931) ahli pengetahuan Amerika yang terbilang Lampu elektrik, peti nyanyi, alat pengambil gambar bergerak, radio dan radar adalah ciptaannya. Selain daripada lebih seratus jenis barang-barang keperluan penduduk dunia seluruhnya telah dikeluarkan oleh otaknya yang bergeliga itu.

Pada zaman ini sudah tentu kemajuan ilmu pengetahuan makin bertambah besar. Kenang sahaja pereka-pereka ubat penicillin, bom-bom atom dan hydrogen dan banyak lagi yang berguna dan yang berbahaya kepada alam manusia.

Segala yang disebutkan di atas adalah bertepatan dengan firman Allah Taala di dalam surah Yusuf 76:

“*Wafauqa kul dji ‘ilmu alim*”- dan di atas tiap-tiap orang yang berilmu, yang luas pengetahuan dan bijak pandai, ada lagi yang lebih berilmu, lebih luas pengetahuan dan lebih bijak pandainya!” Sadaqallahul azim.



Mengharap keredhaan Tuhan! Itulah cita-cita orang-orang yang beragama. Tidak ada bertinggi rendah di dalam lingkungannya –

Semuanya sama makhluk Allah! Gambar menunjukkan Presiden Sukarno sembahyang Hari Raya di Bogor, Jawa

dikelilingi oleh rakyat jelata di sana. - Gambar Air-post.